



## Pengguna Touch 'n Go boleh tambah baki guna TnG eWallet.

Januari 25, 2022 @ 9:15pm

KUALA LUMPUR: Touch 'n Go (TnG) akan melancarkan kad versi baharu yang mempunyai keupayaan untuk menggunakan teknologi Komunikasi Medan Dekat (NFC) dalam beberapa minggu akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNG Digital Sdn Bhd, Ignatius Ong, berkata kad baharu itu akan membolehkan pengguna menambah baki dengan mudah menggunakan port didayakan-NFC melalui aplikasi TnG eWallet.

"Kad Touch 'n Go yang kami ada dalam edaran sejak 20 tahun lalu tidak mempunyai keupayaan untuk menambah nilai terus kad anda daripada eWallet kerana anda memerlukan pembaca kad khusus untuk benar-benar melakukan transaksi atas sebab-sebab keselamatan," kata Ong semasa perbincangan panel pada hari kedua Minggu MyFintech 2022 hari ini.

Pada perbincangan panel yang sama, Pengarah Pembayaran Runcit Payments Network Malaysia (PayNet), Khairuan Abdul Rahman menyatakan bahawa menjelang suku keempat 2021, urusan niaga e-dagang menurun sedikit apabila sektor ekonomi dibuka semula dan lebih banyak perniagaan mula beroperasi secara fizikal.

Beliau berkata, pendigitalan industri perdagangan dan pembayaran menjadi terlalu pesat dalam tempoh dua tahun lalu akibat pandemik COVID-19 dengan pelanggan memilih kaedah pembayaran secara alternatif.

"Kami menyaksikan lebih 100 peratus pertumbuhan dalam Pertukaran Proses Kewangan (FPX), salah satu platform untuk memudahkan transaksi e-dagang yang dikendalikan oleh PayNet pada 2020 dan lebih daripada 70 peratus pertumbuhan pada 2021.

"Memandangkan lebih banyak perniagaan membuka pintu mereka untuk transaksi bersemuka, saya berharap ini tidak bermakna kita kembali sepenuhnya kepada transaksi tunai atau sistem pembayaran digital yang terhad," katanya.

Khairuan menjelaskan lagi bahawa tingkah laku pengguna berubah secara drastik dan sama ada mereka akan kembali kepada transaksi tunai pasca-pandemik masih belum jelas.

Beliau berkata, PayNet perlu memerhatikan situasi itu 'selama beberapa bulan' sebelum membuat kesimpulan, selepas itu barulah syarikat akan dapat mengesyorkan cara ia perlu mengekalkan transaksi e-dagang sebagai bentuk pembayaran utama.

-BERNAMA